# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

KOPERAL SHAHUL HAMEED BIN MD RASHID

TENTANG LATAR BELAKANG, PENGALAMAN DAN SUMBANGAN BELIAU DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)

OLEH:

AZMA BINTI AWANG

2009831992

RAJA NUR NUJHANA BINTI RAJA HARUN

2008250024

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 603 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 08 (SEPT 2013 – JAN 2014)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# KOPERAL SHAHUL HAMEED BIN MD RASHID
# TENTANG LATAR BELAKANG, PENGALAMAN DAN SUMBANGAN BELIAU DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)


OLEH:

AZMA BINTI AWANG

2009831992

RAJA NUR NUJHANA BINTI RAJA HARUN

2008250024


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 603 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 08 (SEPT 2013 – JAN 2014)

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | i |
| Abstrak | ii |
| Biodata Tokoh | 1 |
| Pengenalan | 2-4 |
| Transkrip | |
| Bahagian A | 5-14 |
| Bahagian B | 15-45 |
| Bahagian C | 46-53 |
| Senarai soalan | 54-61 |
| Log Temubual | 62-64 |
| Indeks | 65-66 |
| Rujukan | 67 |
| Lampiran | |
| Surat Perjanjian | |
| Gambar 1: Pingat Perkhidmatan Awam (PPA) | |
| Gambar 2: Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) | |
| Gambar 3: Sijil Anugerah Pencapaian Cemerlang 1997 (APC) | |
| Gambar 4 : Sesi Temubual | |
| Gambar 5 : Tokoh dan pelajar yang terlibat | |

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izin dan kurniaNya dapat kami melaksanakan wawancara bersama tokoh yang dipilih iaitu Koperal Shahul Hameed bin Mohd Rashid. Dengan demikian, kami juga dapat menyiapkan transkrip yang lengkap tentang wawancara tersebut. Wawancara ini adalah untuk memenuhi keperluan Kursus IMR 603 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bagi semester 08, sesi September 2013 hingga Januari 2014.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah binti Chik yang telah banyak memberi tunjuk ajar tentang subjek ini. Beliau juga telah memberi garis panduan yang lengkap untuk menyiapkan transkrip ini mengikut prosedur sebagaimana yang dikehendaki.

Selain itu, kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Koperal Shahul Hameed bin Mohd Rashid kerana memberi kerjasama sepenuhnya untuk berkongsi pengalaman beliau dalam bidang ketenteraan dan secara tidak langsung kami berterima kasih juga kepada keluarga beliau.

Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Pendokumentasian Sejarah Lisan ini tentang pengalaman seorang tokoh daripada bidang ketenteraan. Beliau ialah Koperal Shahul Hamid bin Muhd Rashid. Wawancara tersebut diadakan di rumah beliau pada 16 Disember 2013, pada jam 11.00 pagi hingga 12.30 tengahari. Berdasarkan wawancara yang telah dibuat, pelbagai pengalaman yang telah dikongsi oleh beliau. Perkara-perkara yang ditemuramah adalah berkaitan tentang latar belakang, kerjaya, anugerah dan sumbangan beliau sepanjang berkhidmat dalam bidang ketenteraan. Beliau telah berkhidmat di dalam tentera selama dua puluh tiga tahun. Semasa wawancara diadakan, terdapat beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan. Walaupun wawancara tersebut hanya melibatkan pelajar dan tokoh, tetapi pada masa yang sama terdapat banyak gangguan persekitaran yang tidak dijangka. Walau bagaimana pun, wawancara tersebut berjaya disiapkan sepenuhnya.*

***Kata Kunci**: Pendokumentasian Sejarah Lisan, Koperal Shahul Hameed bin Md Rashid, latar belakang, kerjaya, sumbangan dan anugerah.*

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | |
|---|---|
| Nama | Shahul Hameed Bin Muthu Krishnan @ Md Rashid |
| No. Kad Pengenalan | 610827115315 |
| Tarikh Lahir | 27 Ogos 1961 |
| Alamat | Lot 2059, Kg. Wakaf Stan Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan. |
| No. Telefon | 011-29298140 |
| Kelulusan | SRP (Sijil Rendah Pelajaran) |
| Tahun Dilantik Tentera | 1981 |
| Tahun Dilantik Lanskopral | 1987 |
| Tahun Dilantik Kopral | 2000 |
| Tarikh Bersara | 01.01.2000 (Tamat Perkhidmatan) |
| Nama Isteri | Azlina Binti Mat Salleh |
| Tahun Perkahwinan | 1983 |
| Bilangan Anak | 12 Orang |
| Pekerjaan | Tentera (1981 sehingga 2012) |
| | Pengusaha Kanopi dan Katering (sekarang) |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

## SEJARAH TENTERA DARAT MALAYSIA

Sejarah Tentera Darat Malaysia bermula dengan usaha untuk menubuhkan satu pasukan pertahanan yang dianggotai oleh anak-anak Melayu. Usaha ini bermula semenjak tahun 1902 lagi. Banyak perbincangan oleh Raja-Raja Melayu dan Penasihat-Penasihat British telah dijalankan bagi mewujudkan pasukan ini. Dalam tahun 1913, Almarhum DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Muhamad Ibni Yam Tunku Antah, DYMM Sultan Perak, Sultan Alang Iskandar Shah, Almarhum Raja Dihilir Perak, Raja Sir Chulan dan Allahyarham Undang Rembau, Datuk Abdullah bin Haji Damad telah menyuarakan hasrat menubuhkan pasukan Askar Melayu.

Hasrat Raja-Raja ini telah menjadi kenyataan apabila di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 23 Januari 1933, Rang Undang-Undang Askar Melayu telah diluluskan dan dikenali sebagai Undang-Undang No. 11.

## PANGKAT-PANGKAT DALAM TENTERA DARAT MALAYSIA

Terdapat 17 susr galur pangkat dalam TDM bermula daripada Prebet sehingga ke Jeneral yang boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kumpulan Pegawai dan kumpulan Lain-lain Pangkat (LLP). Kumpulan Pegawai bermula daripada Leftenan Muda hingga ke Jeneral iaitu:

i. Kumpulan Pegawai Kanan – (Leftenan Kolonel, Kolonel, Brigedier Jeneral, Mejar Jeneral, Leftenan Jeneral dan Jeneral)

ii. Kumpulan Pegawai Medan – (terdiri daripada pegawai-pegawai berpangkat Mejar)

iii. Kumpulan Pegawai Muda – (Leftenan Muda, Leftenan, Kapten)

Kumpulan Lain-lain Pangkat bermula dari Prebet sehingga Pegawai Waren 1 dan terbahagi kepada tiga kelompok iaitu:

i. Kumpulan Pegawai Tanpa Tauliah (PTT) Kanan – (Sarjan, Staf Sarjan, Pegawai Waren 2, Pegawai Waren 1)

ii. Kumpulan Pegawai Tanpa Tauliah (PTT) Rendah – (Lanskoperal, Koperal)

iii. Prebet – (Tidak memepunyai pangkat)

**LOGO TENTERA DARAT MALAYSIA**

ANUGERAH TOKOH

i. Pingat Perkhidmatan Awam (PPA)

Pingat ini dikurniakan kepada penerimaan sebagai menghargai perkhdmatan yang cemerlang di dalam pasukan keselamatan atau pasukan-pasukan yang berpakaian seragam. Lambang pengurniaan ini berbentuk pingat bulat diperbuat daripada perak.

ii. Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)

Pingat ini dianugerahkan kepada penerima sebagai penghargaan yang baik di dalam pasukan keselamatan atau pasukan-pasukan yang berpakaian seragam. Lambang pingat ini berbentuk bulat diperbuat daripada gangsa.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Petunjuk:

| |
|---|
| PR: PUAN RAJA |
| KN: KOP. NASIR |

**BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

PR : Assalaamualaikum. Saya Raja Nur Nujhana binti Raja Harun dari UITM Kota Bharu. Kami akan menemubual tuan tentang latar belakang dan juga kerjaya serta sumbangan tuan sebagai seorang tentera.

KN : Ya.

PR : **Tuan apa khabar?**

KN : Baik, Alhamdulillah.

PR : **Ceritakan *sikit* [sedikit] nama penuh tuan?**

KN : Nama penuh saya Shahul Hameed bin Md Rashid.

PR : **Apakah nama panggilan atau gelaran?**

KN : Nama di kampung *ni* [ini] orang panggil Nasir.

PR : **Nasir sahaja?**

KN : Ya.

PR : **Di manakah tempat kelahiran tuan?**

KN : Tempat lahir saya di Terengganu.

PR : **Terengganu?**

KN : Kemaman. (kedengaran suara kanak-kanak)

PR : **Kemaman ya? (kedengaran suara kanak-kanak)**

KN : Ya.

PR : **Boleh tuan ceritakan sedikit tentang latar belakang tuan?**

KN : Latar belakang saya maknanya, saya ceburi dalam askar *ni* [ini] semasa umur *dalam* [lebih kurang] sembilan belas tahun [19 tahun]. Jadi, dalam perkhidmatan *tu* [itu] *banyak la* [banyak juga] saya pergi ke luar negara. Pergi di *Filiphine*, [Filiphina] Indonesia dan Thailand.

PR : **Nama ayah *pulak* [pula]?**

KN : Ayah saya *ni* [ini] orang kata *dah* [sudah] *tak ada dah* [tiada lagi]. Saya *duduk* [tinggal] dengan *mak* [emak] angkat. Jadi, ibu saya *dah tak ada jugak* [sudah meninggal juga]. *Tapi* [tetapi] yang saya tahu ibu saya (terbatuk) sudah meninggal di Johor.

PR : **Di mana tuan tinggal selepas dilahirkan? (bunyi kertas)**

KN : Selepas dilahirkan saya tinggal di Kemaman.

PR : **Berapa umur tuan sekarang?**

KN : Sekarang lima puluh tiga [53 tahun]

PR : **(suara kanak-kanak)Anak yang ke berapa?**

KN : Anak bongsu. [Maksud beliau anak bongsu dari keluarga angkat]

PR : **Berapa orang adik beradik?**

KN : Adik beradik saya *sorang* [seorang] sahaja. [Maksudnya beliau anak tunggal]

PR : **Apa hobi tuan masa lapang?**

KN : Saya *ni* [ini] masa lapang saya. Apa *ni* [ini]. Mesin rumput *jela* [sahaja]. *Tu aje* [Itu sahaja].

PR : **Semasa dahulu, ayah dan ibu tuan *ni* [ini] bekerja sebagai apa?**

KN : Ibu hanya menjual kain-kain *itula* [sahaja], (bunyi kerusi) barang-barang kemas. *Ayah kapten kapal Singapore* [Ayah bekerja sebagai kapten kapal di Singapura].

PR : **Boleh ceritakan sedikit mengenai pendidikan terawal yang tuan dapat?**

KN : Pendidikan saya *sampai* [sehingga] *LCE* [Lower Certificate Examination] sahaja.

PR : ***LCE* [Lower Certificate Examination]?**

KN : Tingkatan *tiga* [3], masa *dulu* [dahulu] *LCE* [Lower Certificate Examination].

PR : **Di mana tuan bersekolah semasa (bunyi gangguan) di sekolah rendah dan sekolah menengah?**

KN : Sekolah kebangsaan saya, di Sekolah Kebangsaan Wakaf Stan dan sekolah menengah, di Kubang Kerian. Sekolah Menengah Kubang Kerian.

PR : **Apa pencapaian tuan di bidang akademik dan di bidang ko-kurikulum?**

KN : *Tu* [Yang itu] *kira* [dikatakan] lulus *gitu halah* [begitu sahaja].

PR : **Dalam bidang ko-kurikulum, minat *sukea* [sukan] *ko* [ke]?**

KN : Itu [Merujuk kepada soalan] *tak* [tidak] minat sukan.

PR : ***Tak* [tidak] minat sukan maksudnya *tak* [tidak] pernah masuk [sertai] (suara kanak-kanak) pertandingan?**

KN : *Ada* [Sertai]. *Di sekolah tu adala* [Sertai pertandingan sukan di sekolah]. *Sukan*

*lari* [Acara larian] *dua ratus meter* [200 meter], *tiga ratus meter* [300 meter], *seribu lima ratus* [1500 meter]. *Tu yang saya masukla* [Itu sukan yang saya sertai].

PR : **Selepas sekolah menengah *tu* [itu], adakah tuan menyambung pengajian di institusi tertinggi?**

KN : *Tak ada dah* [Tidak].

PR : **Terus bekerja?**

KN : *Terus* [Ya]. *Cukup umur* [Semasa umur] *lapan belas* [18 tahun] saya *masuk* [sertai] tentera.

PR : **Kelulusan tertinggi yang tuan ada?**

KN : *Itulah* [Hanya] akademik *sampai* [sehingga] tingkatan *tiga* [3] sahaja.

PR : **Lepas *tu* [itu] tak [tidak] sambung belajar?**

KN : *Tak* [tidak] sambung belajar.

PR : ***Nak tanya pasal* [Hendak bertanya tentang] data keluarga. Pada tahun berapa (bunyi sesuatu) tuan mendirikan rumah tangga?**

KN : Tahun *Sembilan belas lapan puluh tiga* [1983].

PR : **Nama isteri tuan?**

KN : Azlina Mat Salleh.

PR : **Di mana beliau dilahirkan? (suara kanak-kanak)**

KN : Di Pasir Puteh. [Beliau dilahirkan di Pasir Puteh]

PR : **Adakah isteri tuan bekerja?**

KN : *Tak ada* [tidak], suri rumah sepenuh masa.

PR : **Sudah berapa lama tuan mendirikan rumah tangga?**

KN : *Lapan puluh tiga* [tahun 1983]. *Ni kiranya* [sekarang sudah] (sambil bertanya) *tiga puluh* [30] tahun. Hampir *tiga puluh* [30] tahun.

PR : **Berapa orang anak tuan sekarang?**

KN : *Dua belas* [12 orang].

PR : **Bilangan perempuan dan bilangan anak lelaki?**

KN : Lelaki, tujuh [7 orang].

PR : **Anak perempuan?**

KN : (sambil bertanya) Lima [5 orang perempuan].

PR : **Boleh ceritakan serba sedikit mengenai anak tuan daripada anak sulung *sampai* [sehingga] anak bongsu?**

KN : (Ketawa)Terlampau ramai, *nak* [hendak] cerita pun *tak* [tidak] boleh.

PR : ***Tak* [Tidak]. Maksudnya *bagitahu* [beritahu] nama, *pah tu* [selepas itu] umur *dia* [mereka].**

KN : Anak pertama, nama Nurul Alimi. Yang kedua Nurul-- Yang pertama *tu* [itu] *dua puluh lapan* [berumur 28 tahun]. Nurul Alizam *dua puluh enam* [berumur 26 tahun]. Mohd Syahiran (sambil bertanya) *dua lima* [berumur dua puluh lima] [25 tahun]. Nurul Nasuha *dua puluh empat* [berumur 24 tahun]. Mohd Syazwan *dua puluh dua* [berumur 22 tahun]. Sekarang dia berkhidmat di Angkatan Tentera Malaysia di Seremban. Mohd Tarmizi *dua puluh satu* [berumur 21 tahun]. Mohd Shahrul Azam (sambil bertanya) *sembilan belas [berumur 19 tahun].* Mohd Nazrul Syazwan *enam belas* [berumur 16 tahun]. Mohd Sharizal (sambil bertanya) *lima belas* [berumur 15 tahun]. Nurul Syazwani *sebelas tahun* [berumr 11 tahun]. Mohd Ikmal Hakim *lapan tahun* [berumur 8 tahun]. Mohd Hafiz Firdaus tiga *tahun dua bulan* [berumur 3 tahun dua bulan*]*. Itu sahaja anak saya.

PR : **Apa kerjaya yang mereka ada? Maksudnya *berapa oghe hok kijo*, [orang yang bekerja], *berapo oghe hok dok* [berapa orang yang tidak bekerja]? (suara kanak-kanak)**

KN : Sekarang *ni* [ini] anak yang bekerja, Mohd Syazwan. *Bekerja angkatan tentera* [Bekerja sebagai Angakatan Tentera]. *Pah tu*, [Selepas itu,] Mohd Zulazam *di Perodua Wakaf Che Yeh* [bekerja di Perodua Wakaf Yeh]. Dua sahaja yang bekerja.

PR : **Berapa orang yang telah mendirikan rumah tangga?**

KN : *Dua* [2 orang].(suara kanak-kanak)

PR : **Anak yang masih bersekolah?**

KN : *Empat* [4 orang] lagi.

PR : **Boleh ceritakan sedikit tentang cara hidup tuan pada masa kecil?**

KN : Saya *nak* [hendak] ceritakan pun *tak* [tidak] boleh *pasal* [sebab] saya pun orang bela masa *kecik* [kecil] lagi. *Masa umur saya* [Ketika saya berumur] dua [2] bulan lagi orang bela saya.

PR : **Memang dari kecil lagi *duduk* [tinggal] dengan keluarga angkat la [ya]?**

KN : *Daripada keluarga angkat* [Ya, daripada keluarga angkat]. *Pasal* [Sebab] dari Terengganu jadi, keluarga angkat saya *ni* [ini] *enam* [6] orang dia bela anak angkat. *Pah tu*, [Lepas itu,] dia bagi ke, agih ke waris-waris yang terdekat. Bagi-bagikan. Jadi, kakak sayanya sekali dengan anak angkat *tu* [itu], cikgu Sungai Petani.- - ramai juga, *enam* [6] orang. *Pah tu*, [Lepas itu,] dia bagi agih-

agihkan ke waris-waris. Yang hantar ke *Singapore* [Singapura] tiga [3] orang.

PR : **Ada juga [maksudnya yang dihantar ke Singapura]?**

KN : Ya.

PR : ***Macam mana pulak*** **[Bagaimana pula] dengan cara tuan bersosial?**

KN : Maksudnya?

PR : **Pergaulan ke?**

KN : Pergaulan biasa *saja* [sahaja]. Walaupun *bin lain-lain* [keluarga angkat] pun, *macam* [seperti] adik beradik.

PR : **(suara kanak-kanak)Penjaga atau *mak* [emak] angkat *tu* [itu] keluarga ke institusi yang menjaga?**

KN : Dia *tu* [itu] *kiranya* [maknanya], *dah* [apabila] orang bagi anak *kat* [pada] dia. Saya dengan dia *nya tak jadi macam mana* [pun tiada hubungan], *tak jadi apa-apa* [tiada pertalian]. Dia *ambik* [ambil] anak angkat *tu*, [itu,] dia bela. Orang bagi anak, dia bela.

PR : ***Mak*** **[Emak] angkat dengan ayah angkat *tu tak dok anok* [itu tiada anak]?**

KN : Ya. Dia bela, bila balik *sini* [ke sini] dia bagi ke waris-waris, yang *tak ada* [tiada] anak, dia bagi. (kedengaran suara kanak-kanak)

PR : **Berapakah bilangan cucu?**

KN : Cucu *sorang baru* [baru seorang]. *Kira nak* [maknanya akan] masuk dua *dah ni* [tidak lama lagi], jangka *bulan dua belas* [bulan 12 iaitu bulan Disember] *ni* [ini]

TAMAT BAHAGIAN A

**BAHAGIAN B: KERJAYA**

PR : **Tahun berapa *masuk* [sertai] tentera?**

KN : Tarikh masuk *satu haribulan satu tahun lapan puluh* [01.01.1980].

PR : **Boleh tuan ceritakan sedikit semasa apa *ni* [ini] *nak* [hendak] menyertai tentera *tu* [itu]? Maksud minat *ke lagu mana* [atau bagaimana]?**

KN : Masa *tu* [itu] minat dalam tentera. Jadi, saya pergi temuduga *dua*, [2], *tiga* [3] kali tidak dapat. Masalahnya *kita* [saya] buat ujian, gagal. Cuba-cuba sampai dapat saya cuba. Sampai *buleh* [boleh], maksudnya *masuk* [sertai] tentera.

PR : **(Kedengaran suara kanak-kanak) *Mano tepat hok temuduga tu* [Di mana tempat temuduga]?**

KN : Temuduga di *Pengkalan Chepa*, Kem *Pengkalan Chepa* [sebuah daerah di negeri Kelantan].

PR : **Ramai la orang *gi* [pergi] masa *tu* [itu]?**

KN : Lebih kurang *tiga ratus* [300] orang ada.

PR : ***Laki ke puan ke* [Lelaki atau perempuan]?(suara kanak-kanak)**

KN : *Laki saja* [Lelaki sahaja] *masa tu* [ketika itu]. Selepas pada *tiga* [3] bulan baru ada rekrut wanita.

PR : **Ada juga bangsa lain masa temuduga?**

KN : Semua orang, boleh dikatakan semua bangsa ada. India ada, Iban ada, China pun ada.

PR : **Berapa kali temuduga dapat tu [itu]?**

KN : Masa temuduga di *Pengkalan Chepa* [sebuah daerah di negeri Kelantan] hanya sekali sahaja.

PR : ***Temuduga hok gagal tu gi temuduga mano?* [Di mana temuduga yang gagal]?**

KN : Banyak. *Tanah Merah* pergi, *Pasir Puteh* pergi, *Machang* pergi [Ketiga-tiga daerah di negeri Kelantan.] *Tiga* [3] tempat yang gagal.

PR : **Pada tahun berapa masa temuduga *tu* [itu]? (Suara kanak-kanak)**

KN : Temuduga *tu* [itu] *bulan dua belas tahun lapan puluh* [bulan 12 tahun 1980*]*. *Tarikh tu saya tak ingat dah* [Saya sudah lupa tarikh tersebut].

| | | |
|---|---|---|
| PR | : | **(bunyi motor) Selepas dapat temuduga *tu* [itu] apa *ni* [ini], *nak* [hendak] rekrut *tu* [itu] *kat mana* [di mana]? (suara kanak-kanak)** |
| KN | : | Saya menjalani latihan rekrut di Port Dickson, (suara kana-kanak) Negeri Sembilan selama *empat* [4] bulan. Pasal [Sebab] *'intake'* [pengambilan] saya ni *'intake'* [pengambilan] percubaan *empat* [4] bulan. Sebelum *ni* [ini] dia buat *enam* [6] bulan. Jadi, masa buat *ni*, [ini] *'intake'* [pengambilan] percubaan dia buat empat [4] bulan. |
| PR | : | **Tarikh bermula rekrut?** |
| KN | : | Tarikh *satu haribulan satu tahun lapan puluh satu* [01.01.1981] rasanya. |
| PR | : | **Boleh ceritakan sedikit pengalaman masa rekrut?** |
| KN | : | Memang pahit maung. Rekrut masa *dulu* [dahulu], rekrut *ni halah* [ini adalah] memang teruk. *Ke hulu ke hilir ke hulu ke hilir* [Terkejar-kejar], memang *tak ada* [tiada] masa untuk rehat. Jadi, *halah* [iaitu] boleh dikatakan *banyak* [ramai] juga yang *lari* [keluar] tidak tahan dengan rekrut. Orang kata rekrut yang *dulu* [dahulu] dengan sekarang *tak serupa dah* [sudah tidak sama]. |

PR : **Masa dalam rekrut *tu* [itu] bangsa lain pun ada *juga* [bersama]?**

KN : Ya. Ada.

PR : **Semua lelaki?(suara kanak-kanak)**

KN : Semua lelaki. Dia ada *A Kompeni, B Kompeni, C Kompeni, F Kompeni* [Kumpulan-kumpulan platun]. Empat [4] Kompeni masa *tu* [itu].

PR : **Apa kompeni asal platun (bunyi gangguan) semasa menyertai rekrut tu?**

KN : Saya duduk Kompeni F, *Kompeni* [kumpulan] platun tiga puluh Sembilan [39]. Platun saya seramai empat puluh [40] orang. (suara kanak-kanak)

PR : **Boleh ceritakan sedikit semasa awal hari pertama rekrut hingga hari akhir rekrut?**

KN : Memang mencabar. Semasa buat latihan *tu* [itu], memang ikut prosedur dia buat latihan *tu*, [itu] memang *halah* [betul] memang mencabar masa *tu* [itu]. *Dulu* [Dahulu] dengan sekarang memang *tak* [tidak] sama. Saya juga dilantik sebagai 'squad leader' dalam platun saya sebagai ketua platun dalam platun saya *tu* [itu]. Jadi, maksudnya rekrut ni [ini] memang mencabar masa buat latihan *ni* [ini]. *Macam*

[seperti] latihan hutan, menembak, baling bom, dan buat perairan di pantai.(suara kanak-kanak)

PR : **Semasa latihan *tu tak ada* [itu tidak ada] bertempur dengan musuh. *Tak ada* [Tidak ada]?**

KN : *Masa tu* [Semasa itu] *tak ada* [tidak ada] lagi. Masa latihan recruit *ni* [ini] memang *tak ada* [tidak ada].

PR : **Tarikh tamat recruit?**

KN : Tarikh tamat rekrut. Saya *dah* [sudah] lupa tarikh *tu* [itu]. *Tak ingat dah tu* [Sudah tidak ingat].

PR : **Boleh ceritakan sedikit, (bunyi motor) selepas tamat rekrut *tu* [itu] di hantar ke mana?**

KN : Selepas saya tamat latihan, saya telah masuk ke *Rejimen Askar Melayu DiRaja* [RAMD], Tiga Puluh Satu [31] RAMD di Kem Kepala Batas, Alor Setar, Kedah.

PR : **Yang *tu* [itu] tempat yang terawal?**

KN : --- Daripada lepas rekrut, saya pergi ke Tiga Puluh Satu Melayu dahulu di Kuala Lumpur, Kem Kementah. Masa *tu* [itu] askar melayu baru ditubuh. Jadi, selepas pada saya duduk di Kementah, Kem Kuala

Lumpur, saya dipindah di Kem Gurun. Kem Gurun tu [itu] tempat menembak. Jadi, tidak sesuai untuk jadi kem *tu* [itu]. Jadi, saya pindah di kem Kepala Batas di Tiga Puluh Satu [31] Melayu. Lepas Tiga Puluh Satu [31] Melayu, saya ditukarkan atas dasar naik pangkat. Saya pergi ke Unit 305 Bukit Kayu Hitam di Changlung, Kedah. Jadi, *305* [unit] ni saya berkhidmat lebih kurang lapan [8] tahun ke sembilan [9] tahun lebih kurang *gitu la* [begitu]. Saya ditukarkan atas dasar naik pangkat di Tiga Melayu RAMD di Kem Bukit Cina [Kem Desa Pahlawan, Kelantan]. (suara kanak-kanak) *Lepas pada tu*, [Selepas itu,] saya berkhidmat dalam duduk di Bukit Cina [Kem Desa Pahlawan, Kelantan], saya pergi ke Sabah. *'Batalion moving'* [Pergerakan batalion] dia panggil bergerak semua sekali, bergerak ke Sabah. Di Sabah, saya berkhidmat lebih kurang *lapan* [8] tahun. *Lepas tu* [Selepas itu], habis di Sabah *lapan* [8] tahun saya ditukarkan disebabkan saya *nak* [hendak] berhenti, maknanya *nak pencen,* [hendak bersara] pergi ke *Pengkalan Chepa*, [sebuah daerah di negeri Kelantan] *Kem 506* [iaitu untuk Tumpangan Sementara]. Jadi, saya habis perkhidmatan dalam *'service'* [pekerjaan] saya dalam perkhidmatan *dua puluh tiga* [23] tahun. Jadi, saya habis di 506. *Dua puluh tiga tahun 'service'* [23 tahun perkhidmatan].

PR : **Unit yang ditempatkan semasa mula-mula berkhidmat? Contohnya unit semboyan ke?**

KN : Mula-mula saya berkhidmat di *Tiga Puluh Satu* [31] Melayu, *Kem Kementah* [Kuala Lumpur]. *Masa tu* [Pada masa itu] baru tubuh Kem *Tiga Puluh Satu* [31] Melayu baru ditubuhkan. *Lepas tu* [Selepas itu], saya pergi *Gurun* [satu tempat di negeri Kedah] pun unit sama juga, *cuma* [tetapi] dia pindah daripada Kuala Lumpur dia pindah ke *Gurun* [satu tempat di negeri Kedah.] Daripada *Gurun* [satu tempat di negeri Kedah] tu, unit sama juga pergi ke *Alor Setar*, [Kedah] unit tumpangan di *Sembilan* [9] *Melayu* [nama kem] di Kepala Batas. *Lepas tu* [Selepas itu,] baru dia digubalkan *tu* [itu] saya masuk ke *305* [nama unit].(suara kanak-kanak)

PR : **Berapa kali tuan pernah bertukar unit? (suara kanak-kanak)**

KN : _ _ _ _ _ *Empat* [4] unit. *Tapi* [Tetapi] dalam perkhidmatan saya, di *Tiga* [3] *Melayu* [nama kem] *lapan belas* [18] tahun.

PR : **Boleh ceritakan sedikit pangkat yang tuan mula-mula perolehi?**

KN : Pangkat *ni* [ini] dia, (suara kanak-kanak) dari segi askar dia kena pergi kursus *dulu* [dahulu]. Pergi kursus bila _ _ baru dilayak pangkat Lanskoperal. Jadi, saya pakai pangkatnya Lanskoperal lebih kurang *'service'* [perkhidmatan] ke--- dulu kira lambat *sikit* [sedikit] pakai

pangkat. *Tujuh* [7] tahun *ada la* [lebih kurang] saya pakai pangkat Lanskoperal. Daripada Lanskoperal pergi ke Koperal *tu* [itu] memang cepat. Jadi, pangkat saya sampai *pencen* [bersara] pun Koperal sahaja.

PR : **Semasa rekrut *tu* [itu] pangkat?**

KN : *Macam ni* [Begini,] dia panggil prebet. Daripada recruit *tu* [itu] empat bulan *tak* [tidak] ada pangkat apa. *Yelah*, [Maksudnya] kalau *tak* [tidak] pergi kursus kadam memang tidak dapat pangkat.

PR : **Boleh tuan ceritakan sedikit apa *ni* [ini], penglibatan tuan masa tentera?**

KN : Jadi, saya dalam kor saya kor KP (Kor Perkhidmatan) jurusannya bahagian *'cook'* [memasak] *kalau kata* [dipanggil] tukang masak. Tukang masak *ni* [ini] maknanya mencabar *sikit* [sedikit] *pasal* [sebab] banyak *kena* [perlu] pergi kursus. Tukang masak ni [ini], saya berkhidmat dalam tukang masak lebih kurang *dua puluh* [20] tahun *adala* [juga].

PR : **Boleh ceritakan sedikit kursus?**

KN : Maksudnya kursus tukang masak *ni* [ini], *mula-mula* [pertama,] kita pergi kursus juruasas sajian. *Lepas tu* [Selepas itu,] pengurusan sajian

rendah, pengurusan sajian kanan pun saya pergi. Pengurusan sajian kanan *ni* [ini] sepatut saya boleh pangkat sarjan la tapi saya *tak nak* [tidak mahu], tolak. Itu sahaja yang kursusnya.

PR : **Kenapa tolak pangkat Sarjan?**

KN : Saya *tak nak* [tidak mahu] pakai Sarjan, cukup Koperal *saja* [sahaja].

PR : **Tadi tuan ada ceritakan penglibatan ke luar Negara?**

KN : Ya.

PR : **Boleh ceritakan sedikit mengenai pengalaman?**

KN : (Berdehem)*Masa* [Semasa] saya pergi *Filiphine* [Filipina], saya ada terlibat la pergi *'exercise'* [latihan] bersama dengan askar *Filiphine* [Filipina] selama *sebulan* [1 bulan]. Jadi, pergerakan saya *tu* [itu] ---. Sebelum pergi *Filiphine* [Filipina] *tu* [itu] kita ada buat belajar bahasa *Filiphine* [Filipina] di kem. Maknanya pergi sana tidak *kokap la* [janggal] masa kita pergi *Filiphine* [Filipina] *tu* [itu]. Jadi, pergi pun hanya *tak* [tidak] lama, *sebulan* [1 bulan] lebih sahaja untuk *'exercise'* [latihan] bersama di *Filiphine* [Filipina].

PR : **Di negara lain?**

KN : Saya pergi Thailand. Thailand maksudnya pergi *'exercise'* [latihan] juga. *'Exercise'* [latihan] bersama dengan askar Thailand.

PR : **Kenapa tuan di hantar ke luar negara?**

KN : Itu pun saya pun kira kalau boleh *tak nak* [tidak mahu] pergi, *tapi* [tetapi] nama sudah *naik* [tersenarai] terpaksa pergi.

PR : **Tujuan dihantar tu [itu]?**

KN : Tujuan dihantar *tu* [itu] untuk membantu anggota-anggota maksudnya untuk kemudahan kita bawa tukang masak daripada kem pergi ke sana, *pasal* [sebab] masakan dia sana tidak *serupa* [sama] dengan masakan kita. Jadi, kita *ni* [ini] bawa semua peralatan kita daripada sini bawa pergi sana. Jadi, pengurusan *tu* [itu] memang masak. Memang kerja saya masak-memasak untuk pegawai dan peringkat-peringkat bawah sahaja.

PR : **Tuan tidak pernah terlibat dalam peperangan?**

KN : Peperangan *tu* [itu] ada juga terlibat, *tapi* [tetapi] maknanya buat *'exercise'* [latihan] sahaja. Peperangan *betul* [sebenar] *tu tak* [itu tidak] ada. Maksudnya *'exercise'* [latihan] bersama. *Lepas tu,* [Selepas itu,] melibatkan semua 'warrior' *ni* [ini]. Maknanya semua

'warrior' *ni mace* [ini seperti] *tiga* [3] melayu boleh *lima* [5] negara terlibat dengan askar *mat salleh* [Inggeris], Korea, *Singapore*, [Singapura] - askar Jepun buat *'exercise'* [latihan] bersama di Kem Desa Pahlawan. [Di negeri Kelantan.]

PR : **Tuan pernah ceritakan tadi mengenai penglibatan tuan di luar negara. Contohnya Indonesia. Boleh ceritakan sedikit?**

KN : Sama juga. *'Exercise'* [latihan] bersama *macam* [seperti] saya ceritakan tadi. *'Exercise' ni* [Latihan ini] maknanya melibatkan 'exercise' *bersama*, [latihan bersama] dengan askar-askar Thailand, dengan Indonesia. *Lepas tu* [Selepas itu,] Filiphine.

PR : **Pada tahun berapa tuan pergi ke sana, ke luar negara?**

KN : Saya *tak ingat* [tidak ingat] pergi *tu* [itu], *pasal pencen pun dah lama dah.* [Sebab bersara pun sudah lama].

PR : **(Suara kanak-kanak) Boleh tuan ceritakan sedikit mengenai penyertaan tuan semasa menjadi misi pengaman PBB?**

KN : Itu saya bukan PBB, saya hanya pergi *'exercise'* [latihan] bersama. *Dia panggil* [Maksudnya] *'exercise'* [latihan] bersama dengan askar *Filiphine* [Filipina]. *'Exercise' ni* [Latihan ini] maknanya *memakan* [mengambil] masa dalam *sebulan gitu je* [sebulan sahaja]. Kalau

pergi Bosnia *ni* [ini] *barula* [itu] aktiviti PBB. Ini latihan bersama, maknanya latihan bersama dengan askar Malaysia dengan askar *Filiphine* [Filipina].

PR : **Maksudnya tuan *tak* [tidak] pernah pergi Bosnia?**

KN : Bosnia saya *tak* [tidak] pernah pergi. Nama *naik* [tersenarai], *tapi* [tetapi] saya *tak nak* [tidak mahu] pergi. *Marcon Sepuluh*.[gelaran nama].

PR : **Mengapa tuan menolak tawaran ke sana?**

KN : Masalah saya keluarga ramai, itu saya tolak. Anak-anak masih kecil lagi saya *nak* [hendak] pergi pun. Kalau saya pergi pun *makan* [mengambil] masa *lapan* [8] bulan. Pegawai-pegawai ramai suka saya pergi ke sana.

PR : **Tujuan mereka menghantar ke sana?**

KN : Sama juga, untuk memasak. Saya dalam tukang masak *ni* [ini], hanya dapat kepujian *banyakla* [banyak juga]. Dapat sijil Sultan Brunei bagi, dapat *'exercise'* [latihan] dengan askar Brunei pun ada.

PR : **Semasa berkhidmat dalam tentera, pernahkah tuan dikenakan tindakan tatatertib?**

KN : *Tak ada*. [Tiada].

PR : **Maksudnya *comel belako* [semua baik]?**

KN : Ya. Rekod *tak* [tidak] ada masalah.

PR : **Boleh ceritakan sedikit, pernahkah tuan membuat operasi?**

KN : Operasi ini memang melibatkan kalau kita duduk dengan askar melayu *ni* [ini], memang terlibat. *Pasal* [Sebab] saya *tak* [tidak] pernah *duduk* [berada] unit *kecik* [kecil] melainkan *duduk* [berada] unit besar sahaja. Unit askar melayu, pernah duduk askar melayu memang operasi selalu. Pergi *Gubir* [Hutan Gubir, Perak] *Belum [Hutan Belum, Perak]*. Banyak lagi tempat-tempat yang saya buat *'exercise'* [latihan] semasa operasi.(ayam berkokok)

PR : **Contoh operasi itu?**

KN : Operasi *ni* [ini] maksudnya, masuk hutan. Beroperasi dalam hutan, *lepas tu* [selepas itu] buat tinjau dalam hutan, *serupa* [sama] maksudnya pergi dalam hutan ni _ _ tempat-tempat apa semua sekali. *Tapi* [Tetapi], saya tidak terlibat. Saya hanya *untuk memasak anggota-anggota saya sahaja* [sebagai tukang masak kepada

anggota-anggota sahaja.].

PR : **Berapa kali pernah masuk hutan?**

KN : Banyak kali. Askar melayu *ni* [ini] banyak kali. Boleh dikatakan - dia setahun *tu* [itu] kadang-kadang ada *tiga* [3] kali atau pun empat [4] kali. *Tak* [Tidak] tentu, nasib. Pertukaran pergi *Gubir* [Hutan Gubir, Perak], *Belum* [Hutan Belum, Perak] banyak juga saya pergi. Lepas pergi dengan naik *heli* [helikopter] lagi. Maksud daripada tempat kem kita duduk *ni* [ini], maksudnya *nak gi* [hendak pergi] ke tempat *tu* [itu] *kena* [mesti] naik *heli* [helikopter].

PR : **Tak [Tidak] naik trak?**

KN : *Tak* [Tidak]. *Tak* [Tidak] naik trak. *Kalu* [Kalau] di *Gubir* [Hutan Gubir, Perak] *pakai trak gi* [pergi dengan trak]. *Kalu* [Kalau] *Belum* [Hutan Belum, Perak] *nu* [sana] *pakai heli* [guna helikopter] masuk dalam. (bunyi motor) *Ikut* [Dengan] bot pun ada. Tapi, maknanya anggota yang sampai batalion *ni* [ini] dia tukar, tukar anggota. Jadi balik *kot* [dengan] bot, bot. yang naik *kot* [dengan] heli, *heli* [helikopter]. *Tengok* [Bergantung] kawasan tempat.

PR : **Boleh ceritakan sedikit semasa dalam hutan, tentera-tentera yang lain *dia* [ada] buat operasi?**

KN : Operasi masuk hutan *ni* [ini], macam *tu* [begitu], maksudnya masuk pergi tinjau juga, pergi tinjau kawasan-kawasan yang mana maksudnya ada juga kesan-kesan yang lama-lama *tu* [itu]. Yang ditinggalkan oleh pengganas-pengganas komunis dahulu.

PR : **Pengalaman manis ketika berada dalam hutan? Boleh ceritakan?**

KN : Pengalaman manis dalam hutan *ni* [ini] saya rasa *tak ada* [tidak ada] *pasal* [sebab] maknanya kerja saya *tu je* [itu sahaja]. *Bangun pagi 'celik' gi buat kije.* [Bangun pagi pergi buat kerja]. Pagi buat kopi, buat air, buat nasi goreng *ke apa ke* [atau apa-apa sahaja]. *Keje* [Kerja] tukang masak *ni* [ini] macam *tu* [begitu]. Mencabar *sikit* [sedikit]. Kadang-kadang lawatan daripada orang Kuala Lumpur *mari* [datang]. Panglima-Panglima, Dato'-Dato' *mari* [datang] lawatan ke kem-kem lokasi kita *ni* [ini].

PR : ***Pernah tak* [Pernahkah] maksudnya, orang *besar-besar* [kenamaan] komen mengenai masakan?**

KN : Setakat saya dalam perkhidmatan *ni* [ini], *tak ada* lagi [belum ada]. Malahan dapat kepujian *tu* [itu] adalah. Contohnya, saya duduk beroperasi di *Belum* [Hutan Belum, Perak], Dato' Borhan. Jadi, saya

sudah buat kari kepala ikan. Kepala ikan merah dengan kari, kari kepala ikan. Jadi, sewaktu saya masak-masak sudah siap, (suara kanak-kanak) saya pun *kira* [sedang] duduk berehat. *Lepas tu* [Selepas itu,] Dato' panggil saya mengatakan *sape* [siapa] yang buat kari kepala ikan *ni* [ini]? Jadi, ada orang panggil saya, Dato' *nak* [hendak] jumpa. Saya pun pergi. *Lepas pergi tu* [Selepas pergi itu,] Dato' panggil saya. (suara kanak-kanak ) Dia kata "Oh, sedap kari kepala ikan. Terima kasih banyak." Dia kata. Itu, maksudnya saya dalam tukang masak *ni* [ini] banyak kepujian-kepujian yang *dibagi* [diberi] oleh Sultan Brunei banyak juga yang *tu* [itu]. Sultan Kedah masa tempat penerimaan panji-panji *dulu* [dahulu].

PR : **Semasa berada di Brunei *tu* [itu]?**

(Suara kanak-kanak) Tidak di Brunei. Askar Brunei *mari* [datang] tempat kita di *Kota Belud* [Sabah] *masa tu* [ketika itu]. Kota Belud, Sabah. Kita buat *'exercise'* [latihan] bersama, *cuma* [hanya] askar Brunei *mari* [datang] tempat kita.

PR : ***Masa tu* [Semasa itu] pun terlibat dalam masakan juga la?**

KN : Saya mana-mana pun, memang *kije* [kerja] saya tukang masak. *Macam tu la*. [Begitu sahaja].(ketawa)

PR : **Berapa kali terlibat dalam kursus masakan?(suara kanak-kanak)**

KN : Lima [5 kali].

PR : **Boleh ceritakan daripada awal sampai akhir?**

KN : Mula-mula asas sajian, juruasas sajian. Maknanya juruasas ni [ini], sebulan sahaja yang mula-mula *ni* [ini] untuk kenal rempah kari, serbuk jintan manis, jintan putih. Sebulan sahaja yang *tu* [itu] pergi. *Lepas tu* [Selepas itu] asas sajian, (suara kanak-kanak) juruasas, pengurusan sajian kanan, pengurusan sajian rendah. Itu sahaja.

PR : **Dapat pengiktirafan?**

KN : Dapat. Memang dapat pengiktirafan. Saya pun melibatkan pergi buat praktikal pun di hotel-hotel, antaranya hotel lima [5] bintang. Di Sabah pun ada, di Pulau Pinang pun ada buat praktikal di hotel.

PR : **Berapa lama praktikal?**

KN : Praktikal *tu* [itu] hanya sebulan sahaja. Lepas kursus dia akan hantar kita pergi kursus di hotel.

PR : **Dia hantar *sorang-sorang ke* [seorang- seorang atau] berapa oghe [orang] terlibat?**

KN : Maknanya kita pergi kursus *ni,* [ini] ramai. Jadi, *kor KP ni* [Kor

Perkhidmatan ini] kita hantar lebih kurang sepuluh [10] orang satu hotel *tu* [itu]. Maknanya, kita pergi kursus *ni* [ini] lebih kurang dalam seratus orang [100]. Hantar pergi Sabah, *rata-rata* [lain-lain tempat]. (suara kanak-kanak)

PR : **Masakan hotel *tu* [itu] masak untuk *ni* [ini] ke atau pun ajar orang dalam hotel tu?**

KN : Maknanya kita buat praktikal *ni* [ini], kebanyakannya hotel akan *ambik* [ambil] pendapat kita. Dia *tak* [tidak] sama dengan hotel kita buat cara kita *ni* [ini].

PR : **Ada bayaran ke?**

KN : *Tak ada.* [Tidak ada]

PR : **Bagaimana pula dengan aktiviti-aktiviti lain dalam ketenteraan?**

KN : Aktiviti lain *tu* [itu] saya rasa *tak* [tidak] ada *pasal* [sebab] saya *ni* [ini] terlibat dengan tukang masak *ni* [ini] sepenuhnya. Maksudnya ada juga macam aktiviti lain pun, maksudnya pergi menembak, berjalan kaki, *'exercise' ni* [latihan ini] *dalam* [lebih kurang] dua puluh [20] batu *adala* [juga]. Maknanya aktiviti saya *ni* [ini] kurang daripada askar yang lain. Macam menembak *ni* [ini] *ambik* [ambil] syarat *aje* [sahaja] pergi. *Kalu* [Kalau] pergi menembak, *sape nak*

*masak pulak?* [siapa pula hendak masak?]

PR : **Melalui pengalaman tuan dalam tentera *ni* [ini], bagaimana mereka dilatih menjadi berdisiplin?**

KN : Memang daripada asas lagi, daripada rekrut lagi dia sudah dilatih daripada situ. Jadi, perkhidmatan kita *ni* [ini] semua sekali, macam juga tempat tidur. Tempat tidur *ni* [ini] memang teratur. Kita tengok daripada hujung, sampai mula-mula sampai _. Sampai sana kita nampak satu [1] sahaja. Tempat tidur, pinggan, mangkuk, apa cadar semua dia _. Asasnya daripada situ, daripada rekrut dia *ajar dah* [sudah ajar], disiplin.

